

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 6 TAHUN 2023

TARIKH : 20 JUN 2023 (SELASA)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.**
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis
12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis

13. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/I R Kuppan**
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
20. **Encik Kamalanathan a/I Chellappan**
Ahli Majlis
21. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
22. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
23. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
24. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
25. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
3. **Puan Norashidah binti Rosli, P.P.T.**
Wakil Pengarah Jabatan Perbendaharaan

4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Penasihat Undang-Undang
15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
18. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Integriti

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis

DIJEMPUT HADIR

1. **Encik Danial Liew**
Worldwide Holdings Berhad
2. **Puan Mimi Mazira binti Abdullah**
Worldwide Holdings Berhad
3. **Encik Mohammad Najmi bin Saifullah**
Worldwide Holdings Berhad
4. **Encik Teh Khang Ping**
Worldwide Holdings Berhad
5. **Puan Siti Fauziah binti Abdul Jabbar**
Fauziah Paws Care

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus**
Penolong Pegawai Tadbir
2. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
		Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Syamsol Herwan bin Ahmad, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan.	Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut :		
	2.1	<p>Pihak Majlis boleh meneruskan program-program di bawah MPKL seperti program-program yang telah diluluskan oleh Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat. Ahli Majlis juga akan menjalankan tugas masing-masing seperti sebelum ini dan mesyuarat jawatankuasa akan berlangsung seperti biasa.</p> <p>Kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh YAB. Dato' Seri Amirudin Shari akan menjalankan fungsi sebagai '<i>caretaker government</i>' sehingga tertubuhnya kerajaan baharu selepas pilihanraya ini.</p>	Makluman
3.0	PEMBENTANGAN TAKLIMAT		
	3.1	<p>TAKLIMAT BERKENAAN STATUS KEMAJUAN PROJEK INTEGRATED SOLID WASTE MANAGEMENT CENTRE (ISWMC) DI TANJUNG DUABELAS OLEH WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD.</p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran A.</p>	Makluman

	3.2	CADANGAN KERJASAMA PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN ANJING TERBIAR MPKL BERSAMA PERSATUAN KEBAJIKAN HAIWAN TERBIAR, SUNGAI BULOH SELANGOR. Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran B .	
	3.3	PEMBENTANGAN RUMUSAN FORUM PENGURUSAN ANJING TERBIAR NEGERI SELANGOR 2023 DAN PENAMBAHBAIKAN TEMPAT SIMPANAN ANJING MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT. Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran C .	
4.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	4.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 5 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 MEI 2023.	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Haridass a/l Ramasamy tanpa pindaan.	Makluman
5.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	

6.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JUN 2023.	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :		
	6.1.1	<p>Perkara 5.1.3</p> <p>Puan Nor Aishah memaklumkan pihak kontraktor sedang mengecat pagar tersebut tetapi tidak membuat pembaikan terhadap sebahagian pagar yang rosak.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan pihak kontraktor akan melaksanakan kerja pembaikan pagar tersebut secara berperingkat.</i></p>	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JUN 2023.	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.		
	6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JUN 2023.	
	Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.		

	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JUN 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JUN 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JUN 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	6.7.1	<p>Perkara 6.1.11</p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan mesyuarat projek terbengkalai dan bermasalah dapat diadakan setiap tiga (3) bulan sekali bagi melihat status kemajuan penyelesaian oleh pemaju yang terlibat.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta JKB selaku urus setia mesyuarat ini mengaturkan mesyuarat tersebut empat (4) kali setahun dan dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha.</i></p> <p><i>Pihak Jabatan mengambil maklum perkara ini dan akan mengaturkan mesyuarat tersebut.</i></p>	Makluman

7.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	7.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 MEI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 10 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 MEI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
8.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
		- TIADA -	
9.0	HAL-HAL LAIN		
	9.1	Encik Kamalanathan a/l Chellappan :	
		<p>1. Beliau memaklumkan pembaikan balai raya Taman Dato' Hormat telah selesai dilaksanakan. Namun beliau ingin tahu status bekalan air dan elektrik di balai raya tersebut. Selain itu, beliau pernah meminta KDEB membuat potongan rumput di kawasan balai raya tersebut tetapi tidak dilaksanakan oleh kontraktor kerana tiada dalam skop kerja. Oleh itu, beliau telah mengupah pihak lain untuk membuat kerja potongan rumput di situ.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan akan membuat semakan dengan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat memandangkan tiada penyerahan rasmi dibuat kepada pihak Majlis.</i></p>	JPPH

	9.2	Encik Mat Irwan bin Mat Ismail :	
		<p>1. Kejadian ribut yang berlaku di Pantai Morib baru-baru ini telah menyebabkan kawasan tersebut berada dalam keadaan yang teruk. Namun beliau melihat keadaan telah bertambah baik dimana kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dengan segera. Beliau berharap pihak Majlis akan membaikpulih kemudahan-kemudahan yang rosak dengan segera.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membersihkan Pantai Morib selepas kejadian ribut berlaku. Beliau memaklumkan pihak Majlis akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan berharap Pantai Morib akan kembali dikunjungi orang awam apabila dibuka kembali kelak.</i></p>	Makluman
10.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Abd Razak bin Ramli.		
	10.1	<p>Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Pengerusi, Timbalan Yang Dipertua, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua Unit MPKL.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.</p>	Makluman

	10.2	<p>Beliau memulakan ucapan dengan serangkap pantun :</p> <p>Indah bunga raya di balai rong seri, Dipetik sang raja buat sang puteri, Tersemat semangat MPKL di hati, Bekal niat demi masyarakat semoga kita semua bersatu hati.</p> <p>Beliau mengucapkan rasa syukur kepada Allah swt atas kurnia dan kasih sayang Nya, kita semua dapat berkumpul untuk bermesyuarat pada hari ni.</p>	Makluman
	10.3	<p>Beliau melahirkan keyakinan bahawa teras dan pencapaian Pengurusan Tertinggi MPKL telah berada pada tahap terbaik sepanjang tempoh pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis. Atas pengalaman, kepimpinan dan kreativiti pengurusan oleh YBhg Dato' Amirul Azizan sebagai Yang Dipertua MPKL, beliau berharap bilangan Pengurusan Tertinggi akan dapat ditingkatkan. Pembuat keputusan yang berupaya membuat, memproses, melaksana keputusan dengan cepat dan segera demi kepentingan umum, imej PBT khasnya dan negara secara amnya.</p> <p>Ini sangat penting agar tiada lagi rambatan '<i>delay</i>' dalam melaksanakan sesebuah projek berskala IKS atau bernilai berbilion Ringgit Malaysia. Dengan hadirnya syarikat-syarikat multinasional yang sedang dan akan berkembang serta berpusat di Kuala Langat serta Pembangunan Serantau Bersepadu Selatan Selangor (IDRISS). Beliau yakin bahawa MPKL telah mengorak langkah segera dan pastinya tidak selesa dengan pencapaian semasa dalam mengurus dan mentadbir pengoperasian yang rencam dengan pelbagai kemungkinan dari kepesatan pembangunan perindustrian yang mencabar.</p>	Makluman

	10.4	<p>MPKL amat memerlukan pengurusan dan kepimpinan YBhg. Dato' Amirul Azizan dimana semua sedia maklum bahawa keprihatinan dan kebertanggungjawaban MPKL dalam menyediakan dan memastikan infrastruktur kemudahan awam kepada rakyat berada pada tahap yang terbaik. Tahniah kepada seluruh warga MPKL. Namun atas faktor usia harta benda, kualiti pembinaan dan vandalisme menyebabkan kerosakan berlaku.</p> <p>Oleh itu, beliau mencadangkan masa pemulihan atau pembinaan semula infrastruktur tersebut dapat dilaksanakan dengan segera demi keselamatan, keselesaan dan keharmonian komuniti setempat. Beliau khuatir atas sikap terlepas pandang akan menyebabkan berlakunya musibah kepada masyarakat. Beliau yakin dan mengambil maklum bahawa peruntukan kewangan bukan satu isu besar kepada pihak MPKL.</p>	Makluman
	10.5	<p>Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan PANTAS MPKL dan semua jabatan yang telah berusaha dengan cekap membantu menyelesaikan masalah penduduk dan prasarana awam yang terjejas dengan bencana ribut yang berlaku di Pantai Morib baru-baru ini.</p> <p>Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pihak Majlis khususnya jabatan-jabatan yang terlibat yang telah memenangi anugerah berprestij dalam negara ini.</p>	Makluman
	10.6	<p>Beliau turut mengucapkan tahniah kepada warga kerja jabatan-jabatan MPKL atas usaha menonjolkan imej MPKL yang terbaik di mata MPP Zon 16 khususnya dan Kuala Langat amnya. Tidak salah untuk melipat ganda usaha tersebut supaya MPKL menjadi kayu ukur di peringkat tertinggi dan nasional. Semoga ada lagi pertemuan selepas ini dan seterusnya. Beliau berharap semua rakan Ahli Majlis akan meneruskan perjuangan supaya PH kekal memerintah Negeri Selangor. Dalam tempoh 60 hari sahaja untuk semua pihak bekerja keras secara mental dan fizikal tidak mengira siang atau malam dalam memastikan harapan rakyat Negeri Selangor terus bersinar di bawah pemerintahan bervisi 'Negeri Selangor <i>Smart and Caring</i>'.</p>	Makluman

	10.7	Bersempena DUN Selangor yang bakal dibubarkan pada 23 Jun 2023 ini, beliau meminta izin untuk menutup ucapan penangguhan ini dengan : "Kita Selangor Kita Kekal Pakatan Harapan, PH Mesti Menang, PH Mesti Menang".	Makluman
11.0	UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi		
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.20 petang.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 21/6/2023

Disemak oleh :

.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

- | | | |
|------------|---|---------------------------------------------------------------|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JKPM | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10. JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13. UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14. UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15. OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 17. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |
| 18. BSP | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA |

rosmawati/mesyuarat mpkl 6/2023